

Agama

Penjernihan ilmu terhasil menerusi budaya dialog

Dr Muhamad Razak Idris



Pensyarah Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Kunjungan Prof Dr Ahmad al-Raisuni yang juga Ketua Kesatuan Ulama Islam Sedunia ke negara ini sebagai Profesor Pelawat di Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), memberi manfaat kepada negara ini khususnya dalam bidang falsafah perundangan Islam atau maqasid al-syariah.

Dr Ahmad al-Raisuni ialah ilmuwan yang amat dihormati dunia Islam hari ini. Beliau menerbitkan puluhan karya dalam bidang itu yang kini menjadi antara bahan rujukan utama bidang maqasid syariah. Sumbangan keilmuan itu menjadikan beliau digelar 'Sheikh Maqasid' oleh dunia keilmuan Islam masa kini.

Sepanjang tempoh di negara ini, beliau menyampaikan syarahan dalam banyak seminar dan forum dianjurkan pelbagai badan keilmuan Islam. Dr Ahmad al-Raisuni memberi penekanan terhadap kepentingan ilmuwan Muslim hari ini mendalami disiplin ilmu maqasid syariah.

Menurutnya, setiap bidang ilmu dalam Islam memiliki maqasid atau falsafahnya yang khusus. Maqasid boleh juga difahami sebagai tujuan atau hikmah yang ingin dicapai atau dijayakan dalam kehidupan manusia ini.

Ilmu Islam, sama ada terbina menerusi cabang usuluddin, fiqh atau akhlak, terangkum dalam kerangka pengertian syariah yang luas, iaitu aturan kehidupan menyeluruh.

Oleh itu, setiap cabang ilmu Islam hendaklah berkembang berpandukan pedoman maqasid atau falsafah syariah syumul dan unggul.

Menurut Dr Ahmad al-Raisuni, umat Islam hendaklah memahami istilah syariah merujuk kepada seluruh kandungan ajaran agama Islam. Dalam erti kata lain, syariah ialah Islam itu sendiri.

Maka, menjayakan maqasid syariah bererti satu usaha bagi menterjemahkan falsafah dan hikmah di sebalik penurunan agama Islam kepada seluruh manusia.

Falsafah bagi agama Islam mudah difahami menerusi kata nama 'Islam' yang bermaksud sejahtera dan aman. Dr Ahmad al-Raisuni menjelaskan hikmah di sebalik risalah al-Islam seperti terkandung dalam syariah adalah bertujuan mewujudkan al-salam atau keamanan dan kesejahteraan dalam kehidupan manusia.

Bagi mencapai tujuan itu, se-

luruh umat manusia diseru berpegang dan mengamalkan segala aturan hidup yang terkandung dalam syariah dalam segenap aspek kehidupan mereka.

Berdasarkan kerangka kefahaman ini, Dr Ahmad al-Raisuni menyeru ilmuwan Muslim agar menilai, menyemak dan memperbaharui setiap ilmu dikuasai mereka, agar ilmu terbabit terbina sejajar falsafah yang ingin dicapai agama Islam atau maqasid syariah.

Ini tugas amat berat, menuntut ilmuwan Muslim menjalankan proses penjernihan ilmiah yang teliti dengan menapis nilai ilmu tidak seiring dengan maqasid syariah dan mengekalkan nilai luhur

Dialog sebagai wasilah yang akan memastikan keamanan dalam kehidupan yang rencam terjaga. Apabila keamanan terjamin, hak dan kepentingan umum setiap komuniti akan dapat difahami dan dipenuhi.

serta bermanfaat bagi mewujudkan kesejahteraan dalam kehidupan manusia.

Dalam hubungan ini, Dr Ahmad al-Raisuni mengajak umat Islam mengukuhkan budaya 'al-hiwar' atau dialog dalam kehidupan mereka.

Proses penjernihan ilmu memerlukan pembudayaan kegiatan interaksi luas dengan semua kumpulan dan kepentingan.

Mencapai kehidupan sejahtera memerlukan ilmuwan dan umat Islam mendalami kepentingan umum atau masalah umat manusia hari ini.

Ini penting kerana al-salam atau keamanan hanya tercapai selepas kepentingan umum manusia dipenuhi secara berkesan dan menyeluruh.

Setiap manusia sama ada secara peribadi atau sebagai sebuah komuniti, mempunyai keperluan dan kepentingan asasi dalam kehidupan mereka. Memandangkan penyempurnaan masalah manusia menjadi syarat terjaminnya pencapaian al-salam atau keamanan, maka seluruh ilmu Islam serta setiap perlakuan umat Islam hendak dibangunkan dan diarahkan kepada penyempurnaan keperluan dan kepentingan umum manusia pada hari ini.

Oleh itu, Dr Ahmad al-Raisuni menganjurkan umat Islam terus membudayakan dialog apabila

terjadinya perselisihan dan per-seteruan. Dialog berfungsi sebagai wahana bagi memahami punca dan tuntutan yang wujud dalam sesebuah komuniti atau masyarakat manusia.

Memandangkan kita berada pada era masyarakat terbuka di mana agama, ideologi dan budaya yang rencam saling bersaing, maka dialog ialah jalan paling utama mencari jalan tengah terhadap kekeliruan yang timbul.

Dialog sebagai wasilah yang akan memastikan keamanan dalam kehidupan yang rencam terjaga. Apabila keamanan terjamin, hak dan kepentingan umum setiap komuniti akan dapat difahami dan dipenuhi.

Umat Islam hendaklah menerima realiti persekitaran kehidupan kini yang pelbagai. Kerencaman masyarakat menatijahkan kepelbagaian kehendak dan kepentingan. Menerusi dialog, kita akan terdedah kepada pemahaman terhadap kepelbagaian kehendak dan kepentingan manusia hari ini yang mesti dipenuhi.

Dialog membuka ruang perkongsian kepelbagaian bentuk masalah atau kepentingan masyarakat. Perkongsian itu penting sebagai sumber pengetahuan dalam pembinaan tatakelola terbaik dan inklusif bagi mencapai keamanan dan kesejahteraan hidup bersama.